



**PERSATUAN JURUUKUR TANAH BERTAULIAH MALAYSIA
(PEJUTA)**

ASSOCIATION OF AUTHORISED LAND SURVEYORS MALAYSIA

Presiden:

Hj. Mohammad Azmi Mohd Zin,

AMN

NaibPresiden :

Dr. Hj. Mohd Zaid Abdullah

SetiausahaAgung:

Alias Ibrahim

Bendahari:

Md Rodi Ismail

Rujukan kami : PJTBM/ PJTBM/CTPD/2011/7C/103 (149)
Tarikh : 21 Julai 2014

DENGAN EMAIL

Kepada:

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan Ahli PEJUTA,

Program "*Continuing Training and Professional Development (CTPD)*" Tajaan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia Untuk Sesi Ogos – Disember 2014 .

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia telah meluluskan permohonan Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) untuk menaja **program "*Continuing Training and Professional Development Tahun 2014 (CTPD)*"** bagi tahun 2014.

3. Majlis Eksekutif PEJUTA berterima kasih kepada Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia di atas sokongan yang berterusan di dalam Program ini dan berharap program ini akan terus memberi manfaat kepada komuniti ukur. Program yang dilaksanakan bukan sahaja dapat menyumbang ke arah peningkatan kesedaran kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan teknologi terkini malahan pengetahuan saintifik, teknikal dan profesional.

4. **Objektif utama** Program "*Continuing Training and Professional Development (CTPD)*" Tahun 2014 adalah:-

- Untuk meningkatkan pemahaman berkaitan dengan kaedah serta pembangunan tanah negeri;
- Untuk meningkatkan kefahaman berkaitan dengan pengurusan kewangan dan cukai syarikat;
- Untuk meningkatkan keyakinan dan memantapkan keterampilan diri dalam majlis-majlis protokol rasmi dalam usaha memartabatkan etika profesionalisma jurukur.
- Melanjutkan peranan dan kepentingan Jurukur di dalam pembangunan landskap ekonomi negara;
- Meningkatkan program pembelajaran sepanjang hayat;
- Memastikan komuniti Jurukur terus meningkatkan kecekapan dan berdaya saing secara berkesan di dalam perubahan pasaran yang dinamik.

5. Penyertaan CTPD Tahun 2014 adalah khas dan terbuka kepada:
 - Semua Jurukur Tanah Berlesen yang menjadi Ahli PEJUTA.
 - Bagi Jurukur Tanah Berlesen yang berdaftar sebagai Ahli PEJUTA kurang dari 2 tahun, penyertaan adalah **DIWAJIBKAN**.

6. Tanggungjawab peserta yang dipilih hendaklah:
 - **Wajib** menyertai keseluruhan program;
 - **Wajib** menyedia dan menyerahkan laporan ringkas yang merangkumi cadangan atau penambahbaikan yang dirasakan dapat memberi kebaikan kepada amalan dan profesion Jurukur.

7. **TERMA DAN SYARAT** penyertaan CTPD Tahun 2014 pula adalah seperti berikut:-
 - 7.1 Memiliki lesen bagi tahun 2014;
 - 7.1.1 telah dibayar langganan 2014 mereka kepada Persatuan;
 - 7.1.2 tidak berada di bawah penyiasatan oleh Penyiasatan Lembaga atau Jawatankuasa Tatatertib;
 - 7.1.3 tidak menerima amaran bertulis daripada Lembaga mengenai apa-apa perkara-perkara yang berkaitan profesional atau pentadbiran;
 - 7.1.4 tidak digantung oleh Lembaga dalam tahun yang lalu;
 - 7.1.5 adalah profesional yang aktif dan
 - 7.1.6 telah bekerjasama dengan Lembaga, JUPEM atau PEJUTA dalam pelbagai perkara profesional termasuk menghadiri dialog dan mengemukakan laporan yang diperlukan; boleh memohon;

 - 7.2 Ahli PEJUTA dibenarkan memilih hanya **dua (2)** tempat daripada **sepuluh (10) tempat yang ditawarkan termasuk program CTPD Mac-Jun 2014 yang lepas.**

 - 7.3 Pemilihan Peserta bagi CTPD 2014 adalah atas budi bicara Majlis Eksekutif.

8. Berikut adalah senarai Program CTPD 2014 yang akan dilaksanakan pada tahun 2014.

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	YURAN (tidak akan dipulangkan)
1	Organizational Behavior	Avillion Hotel Port Dickson	26-28 Ogos 2014	11 Ogos 2014	RM300.00
2	Corporate Grooming & Social Etiquette	Pangkor Island Beach Resort Pulau Pangkor	30 Sept – 02 Okt 2014	08 September 2014	RM300.00
3	Communication & Public Speaking For Professionals	Colmar Tropicale Bukit Tinggi Pahang	18-20 November 2014	08 September 2014	RM300.00
4	Etika & Protokol Rasmi	4 points by Sheraton Langkawi Pulau Langkawi	25-27 November 2014	08 September 2014	RM300.00
5	Pengurusan Cukai Syarikat (2)	Shah's Beach Resort Melaka	09-11 Disember 2014	08 September 2014	RM300.00
6	Psychology Of Sales	Swiss Garden Resort & Spa Kuantan, Pahang	16-18 Disember 2014	08 September 2014	RM300.00
7	Seminar Kaedah & Peraturan Pembangunan Tanah Negeri Kedah	The Regency Jerai Hill Resort, Gurun, Kedah	22-24 Disember 2014	08 September 2014	RM300.00

9. Bersama-sama ini, disertakan **Borang Pendaftaran bagi Program CTPD 2014 untuk disempurnakan**. Borang Pendaftaran yang lengkap hendaklah **dikembalikan ke Sekretariat Latihan (email:jalitah@kojuta.com atau faks:03-41052850) sebelum atau pada tarikh yang dinyatakan didalam senarai program**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

10. Untuk makluman, **borang penyertaan lengkap hendaklah dikembalikan kepada Sekretariat Latihan beserta dengan Yuran. Sebarang pembatalan hendaklah dibuat empatbelas (14) hari sebelum tarikh kursus. Sekiranya pembatalan dibuat selepas empatbelas (14) hari, peserta dikehendaki membayar kos keseluruhan kursus tersebut.**

11. Kerjasama semua Ahli dalam hal ini amat dihargai dan berharap agar semua maklumbalas dan permohonan dapat dilakukan dalam kadar segera kepada Sekretariat Latihan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

PERSATUAN JURUUKUR TANAH BERTAULIAH MALAYSIA



(SR HAJI ALIAS BIN IBRAHIM)

Setiausaha Agung